

mengubah coraknya kepada tujuan-tujuan yang dikehendaki sudah tentu penerbitan itu akan menyambut dengan baik dan berusaha menyampaikan tujuan dan maksud pemerintah – dan mesti pula memberi kerjasamanya. Sekiranya mereka tidak mengubah dasarnya sudah barang tentu baharulah menggunakan kuatkuasa yang ada. Inilah sepatutnya dibuat di dalam tiap-tiap langkah yang patut dibuat kerana langkah-langkah yang serta-merta itu tak dapat tiada akan menimbulkan ketidakpuasan hati dan menimbulkan perasaan bahawa pemerintahan dalam negeri Singapura sekarang telah membawa corak kepada diktator – padahal yang seperti ini adalah sangat-sangat tidak dikehendaki oleh sekalian orang yang biasa hidup bebas di negeri ini.

Mudah-mudahan perkara-perkara ini diperhatikan oleh pemimpin-pemimpin PETIR untuk kebaikan mereka, untuk mendapat kerjasama daripada seluruh umat – bukan oleh umat yang pengikut-pengikut buta sahaja.

* * *

Masalah Perkauman

Pada masa ini perkataan perkauman itu adalah suatu senjata yang besar untuk menahan seseorang daripada memperkatakan barang-barang yang hak mereka perkauman kerana mempertahankan hak mereka sendiri.

Kalau orang-orang Melayu umpamanya menyerukan suara hak mutlaknyanya maka mudah sahaja timbul tuduhan-tuduhan, bukan sahaja daripada orang lain bahkan daripada bangsanya sendiri, bahawa perbuatan-perbuatan itu adalah perbuatan perkauman!

Di dalam sejarah mana pun di dalam dunia adalah menunjukkan bahawa orang asal sesuatu negeri itu

adalah tuan punya bagi sesuatu tempat yang didudukinya. Orang-orang mengkaji sejarah, terutamanya sejarah orang Islam dan mengikut ajaran Islam, maka hak-hak ketuanan itu adalah hak mutlak bagi seseorang yang berasal di situ.

Islam menunjukkan ini daripada ajaran sejarah yang lama yang dicitrakan tentang telaga air zamzam yang ada hingga hari ini yang jadi milik Sīṭī Hājar dengan anaknya Nabī Isma'īl.

Di dalam sejarahnya, semasa Nabī Ibrāhīm, apabila Sīṭī Hājar mendapat telaga ini dengan pemberian Tuhan maka hal ini akhirnya diketahui oleh kabilah Banī Jurhūm. Kabilah ini datang ke sana XXXX XXXX XXXX⁵ (kepada telaga air itu) dan mereka sendiri memberi syarat bahawa hak mutlak tanah dan telaga itu adalah hak Sīṭī Hājar dan mereka hanya menumpang hidup sahaja di sana.

Jadi hak mutlak sesuatu golongan atau kaum itu adalah hak muktamad dan kalau ia mempertahankan haknya adakah ia bersifat perkauman? Adakah mereka akan mendiamkan sahaja dirinya kalau tadinya orang-orang yang menjadi tamu di dalam rumahnya, menumpang di rumahnya terus hendak menguasai rumah itu dan ketuanan bagi rumah itu diserahkan, dikongsikan bersama-sama? Adakah orang-orang yang berhak di rumah itu, kalau menuntut haknya dipandang perkauman? *Mā shā'a Allāh!* Sebab itulah wahai orang-orang anak watan, tegaklah berdiri mempertahankan hak-hak mutlak kamu kerana di dalam perdirian ini kalau kamu binasa maka kebinasaan kamu adalah di dalam kehormatan yang tinggi.

⁵ tulisan di dalam teks tidak jelas